



PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 6. BILANGAN 4.

BANDAR BRUNEI, RABU 15 FEBRUARY, 1961 (29 SHAABAN, 1380)

PERCHUMA

UTAMAKAN-LAH BAHASA KEBANGSAAN!

Pameran Buku2 Minggu Bahasa 10 - 16 April 1961

BANDAR BRUNEI. — Buku2 Melayu yang di-tulis oleh pengarang dan sasterawan di-tanah ayer dan negara2 tetangga akan di-pamerkan dalam Minggu Bahasa yang akan berlangsung pada 10 hingga 16 April akan datang sa-bagai salah satu achara dalam Minggu Bahasa itu.

Pameran buku2 dan lain2 yang berhubung dengan Minggu Bahasa itu mungkin akan di-adakan di-dewan Civic Centre atau dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Keputusan ini telah di-ambil dalam meshuarat Jawatan Kuasa Kechil Badan Pameran Buku2 Melayu Minggu Bahasa baharu2 ini, di-pengerusikan oleh Inche' Md. Hussain bin Md. Yusuf.

Lain2 keputusan yang telah di-ambil dalam meshuarat itu ialah :

◆ Lagu Minggu Bahasa akan di-lukiskan di-papan hitam besar untuk di-pamerkan kapada ramai sa-lain di-chap sa-berapa banyak yang boleh untuk di-bahagikan kapada orang ramai;

◆ Segala poster2 yang di-keluarkan oleh Jawatan Kuasa Kempen

Minggu Bahasa akan di-gunakan untuk perhiasan di-bilek pameran; dan

PERADUAN MELUKIS

◆ Akan mengadakan peraduan melukis poster yang berunsurkan mendokong Minggu Bahasa dengan ukuran 24" x 20" terbuka kapada murid2 sekolah yang berumur 16 tahun ka-atas dan 16 tahun ka-bawah dan kapada orang2 dewasa. Hadiah2 yang berupa wang akan di-beri kapada pemenang2 pertama, kedua dan ketiga.

Badan Pameran Buku2 Melayu Minggu Bahasa itu juga telah mengambil keputusan akan mengadakan kempen pameran buku2 di-Radio Brunei yang berupa "perbualan pameran buku2 Melayu."

KETETAPAN MULAI BERPUASA TAHUN INI

Pegawai2 Ugama, Brunei akan melihat anak bulan pada hari Rabu 15 February, 1961 jam 6 petang bertempat di-Rumah Kerajaan, Muara untuk menentukan dan menghebahkan ketetapan hari mulai berpuasa.

Jikalau kelihatan anak bulan pada tarikh tersebut, maka permulaan berpuasa akan jatuh pada hari Khamis 16 February.

Jikalau tidak kelihatan anak bulan pada tarikh tersebut, maka bererti-lah berpuasa mulai pada hari Jumaat 17 February.

PRESIDEN GARCIA SINGGAH DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Presiden Carlos Garcia dari Filipina telah singgah berehat di-sini pada hari Rabu yang lalu dalam penerbangan-nya dari Manila ka-Kuala Lumpur kerana mengadakan satu lawatan rasmi ka-Persekutuan Tanah Melayu.

Beliau telah di-sambut turun dari kapal terbang oleh Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei Tuan D.C. White, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Yang Berhormat Inche Wan Ahmad bin Omar, Setia Usaha Kerajaan.

Sa-baik sahaja Presiden Garcia turun dari kapal terbang, barisan kehormatan dari pasokan pulis Brunei yang telah di-atorkan itu pun bersedia untuk memberi tabek kehormatan dan di-periksa oleh Presiden.

Menunggu di-bangunan lapangan terbang untuk mengalu2kan kedatangan Presiden Garcia kanegeri ini ia-lah Duli Yang Maha Mulia.

Baginda telah memberi salam persahabatan kapada Presiden Garcia sa-baik sahaja beliau melangkah ka-dalam bangunan itu untuk berehat sambil menunggu kapal terbang kenail-an-nya di-bekalkan untuk penerbangan dari Brunei ka-Kuala Lumpur.

Kapal terbang itu telah berle-

(Lihat muka 6)



Presiden Carlos Garcia dari Filipina (berdiri di-tengah memegang topi) kelihatan pada masa beliau singgah di-lapangan terbang Brunei baharu2 ini dalam perjalanan beliau dari Manila ka-Persekutuan Tanah Melayu.

PENGGUBAH LAGU MINGGU BAHASA

BANDAR BRUNEI.— Inche Awang Besar bin Sagap, yang terkenal sa-bagai penggubah lagu Kebangsaan Brunei telah berjaya menggubah lagu Minggu Bahasa yang di-tugaskan kapada-nya. Beliau telah di-lahirkan di-Kampong Mesjid Sultan Lama, Brunei pada 21 September, 1910 dan chuchunda kapada Pengiran Mohamed Tahir Kijang.

Menurut keterangan Inche Awang Besar, nama beliau yang sa-benar-nya ia-lah Awang Ibrahim bin Sagap.

Oleh kerana nama Awang Besar itu telah di-gunakan semenjak ia maseh kechil lagi, maka beliau telah menggunakan nama Awang


Katholik, Sandakan beliau telah mempelajari ilmu seni bunyian dengan bersungguh2 dari Tuan J. Alberto, sa-orang ahli seni bunyian yang terkenal di-Sandakan pada masa itu.

Tidak berapa lama kemudian, beliau telah balek ka-tanah ayer-nya dan berkhidmat dengan Pejabat Chukai.

Pada masa pemerentahan Jepun Inche Awang Besar telah berkhidmat sa-bagai kerani besar di-Pejabat Mengawal Barang2 Makanan dan sa-lepas perang beliau berkhidmat dengan Pejabat Kerja Raya, bahagian membuat peta2 bangunan hingga ka-masa ini.

Pada masa ini beliau ia-lah pemimpin Pancharagam Dinding Irama yang biasa memperdengarkan permainan-nya melalui Radio Brunei.

Perlu di-sebutkan juga bahawa di-antara pancharagam2 yang beliau telah memimpin ia-lah Pancharagam Muda Belia dan Terang Bulan Keronchong Orkest kedua2-nya di-Sandakan, serta Pancharagam Terang Bulan Brunei Keronchong Amateur Orkest Brunei dan Brunei Minstrel Party.



Inche Awang Besar

Besar hingga ka-masa sekarang dan akan terus menggunakan nama itu hingga ka-masa hadapan.

Inche Awang Besar telah berpindah bersama2 ayah-nya ka-Sandakan, Borneo Utara pada masa umur-nya hanya tiga tahun dan di-sana-lah beliau telah belajar di-sekolah2 Melayu dan Inggeris.

Sa-telah lulus dalam pelajaran-nya di-Sekolah Inggeris Roman

PERADUAN MENGARANG LAKONAN SANDIWARA

BANDAR BRUNEI.— Penu- lis2 yang sudi mengambil bahagian dalam peraduan karangan untok di-jadikan sandiwaranya di-bawah anjoran Jawatan Kuasa Minggu Bahasa Daerah Brunei dan Muara, tetapi belum lagi mengirinkan karangan masing2, ada-lah di-ma'alomkan bahawa tarikh akhir bagi mengirinkan karangan itu ia-lah 28 February.

Karangan itu hendak-lah di-sa-suaiakan dengan keadaan dan suasana di-sekitar Minggu Bahasa, dan mengandongi sa-kurang2-nya sa-banyak tujuh babak lakonan.

Segala karangan itu hendak-lah di-alamatkan kapada Pengurus Sandiwaranya Minggu Bahasa, d/a Radio Brunei, Bandar Brunei.

"MINGGU BAHASA"

MARCH TEMPO SEMANGAT BANGGA

GUBAHAN OLEH AN BESAR SAGAP
SENI KATA OLEH YURAHALIM

na ri . loh rakyat semua, Berikrol dan seti - a, Memuja bahasa ibun-
da, Baha - so ji wa bangsa, Baha - sa Melayu ra - yo, Tanda nya kita jo -
ya, Bangun lah maju loh semua, Baha sa lambang bersa - tu Tuntut lah bahasa Mela -
yu Melayu, Tanda bangsa kita menuju niat satu, Berdaulat serta dargahayu dan muli -
a bahasa Mela - yu Mari ki - ta se - mua, Belajar bersama sa -
Mari ki ta se - mua, Memuja sastra i - bun
- ma, Dengan tekun dan ta - bah, Bahasa Mela - yu ja -
da, Denjan se - ma - ngat set - a, Bahasa Mela - yu ra -
I II Last
ya. yo Mari - ya.
salinan bebas oleh
A.B.S.

Mari-lah rakyat semua

Berikrar dan setia

Memuja bahasa ibunda

Bahasa jiwa bangsa

Bahasa Melayu raya

Tanda-nya kita jaya

Bangun-lah maju-lah semua

Bahasa lambang bersatu.

Tuntut-lah bahasa Melayu Melayu

Tanda bangsa kita menuju niat satu

Berdaulat serta dargahayu dan mulia bahasa Melayu.

Mari kita semua belajar bersama sama,

Dengan tekun dan tabah bahasa Melayu jaya.

Mari kita semua memuja sastra ibunda,

Dengan semangat setia bahasa Melayu raya.

PERADUAN2 MENYAMBU MINGGU BAHASA DI-DAERAH BRUNEI-MUARA

BANDAR BRUNEI.—Peraduan2 kerana menyambut Minggu Bahasa bagi Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan sa-lama lima malam di-Bandar Brunei mulai daripada malam 1 April hadapan.

Perkara tersebut telah di-tetapkan dalam meshuarat Jawatan Kuasa Peraduan2 Minggu Bahasa, Daerah Brunei dan Muara yang telah di-langsungkan di-Bilek Persidangan, Civic Centre pada petang hari Ithnin 6 February.

Meshuarat itu telah bersetuju hendak mengadakan temasha tersebut di-tanah lapang berhadapan pasar bandar ini pada malam2 tersebut.

Peraduan2 yang akan di-adakan itu ia-lah sharahan, karangan, bahath, membacha sajak dan nyanyian.

Ranchangan bagi menjalankan peraduan2 tersebut akan di-adakan saperti di-bawah ini:

Malam 1 April: (a) Peraduan sharahan terbuka kapada orang2 dewasa Melayu, lelaki dan perempuan (b) Peraduan membacha sajak terbuka kapada

orang2 dewasa yang bukan Melayu, lelaki dan perempuan (c) Peraduan nyanyian terbuka kapada murid2 Melayu, lelaki dan perempuan dan (d) Peraduan bahath pusingan pertama, pasokan "A" melawan "B".

Malam 2 April: (a) Peraduan sharahan terbuka kapada orang2 yang bukan Melayu, lelaki dan perempuan (b) Peraduan membacha sajak terbuka kapada orang2 Melayu, lelaki dan perempuan dan (c) Peraduan nyanyian terbuka kapada murid2 yang bukan Melayu, lelaki dan perempuan.

Malam 3 April: (a) Peraduan sharahan terbuka kapada murid2 Melayu, lelaki dan perempuan (b) Peraduan membacha sajak terbuka kapada murid2 yang bukan Melayu, lelaki dan perempuan (c) Peraduan nyanyian terbuka kapada orang2 dewasa yang bukan Melayu, lelaki dan perempuan dan (d) Peraduan bahath pusingan yang kedua, pasokan "C" melawan "D".

Malam 4 April: Peraduan sharahan terbuka kapada murid2 yang bukan Melayu, lelaki dan perempuan (b) Peraduan membacha sajak terbuka kapada murid2 Melayu, lelaki dan perempuan dan (c) Peraduan nyanyian terbuka kapada orang2 dewasa Melayu, lelaki dan perempuan.

Malam 5 April: Peraduan bahath akhir di-antara pemenang bahagian AB melawan pemenang bahagian CD dan lakonan cherita pendek, serta di-selang dengan nyanyian.

Hadiah2 kapada peserta2 yang berjaya di-temasha tersebut akan di-sampaikan oleh Yang Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un pada malam 5 April.

GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU SABAGAI BAHASA PERANTARAAN

PERTANDINGAN BINTANG RADIO STESHEN BRUNEI

**P. Samin Johan Lelaki
Mashani Johan Wanita**

BANDAR BRUNEI— A. B. Mashani, johan pertandingan Bintang Radio Daerah Tutong telah berjaya memenangi gelaran johan pertandingan Bintang Radio, Steshen Brunei bahagian wanita pada malam Ahad yang lalu.

Gelaran johan pertandingan Bintang Radio Steshen Brunei, bahagian laki2 telah di-menangi oleh P. Samin.

Pertandingan2 tersebut telah di-langsungkan di-dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan di-saksikan oleh ramai para penonton.

Sa-ramai 27 orang pemenang2 pertandingan Bintang Radio Daerah2 Brunei, Tutong dan Temburong bahagian laki2 dan perempuan telah bertanding dalam pertandingan tersebut untuk menentukan calon2 yang akan mewakili Steshen Radio Brunei, Bandar Brunei.

Pemenang2 dalam pertandingan tersebut akan masuk bertanding dalam pertandingan akhir untuk merebutkan gelaran johan sa-negeri ini dengan calon2 yang akan mewakili Steshen Radio Brunei, Kuala Belait pada masa Hari Raya Puasa bulan hadapan di-Bandar Brunei.

Penyanyi2 yang berjaya da-

lam pertandingan tersebut adalah seperti berikut:

Bahagian wanita: 1. A. B. Ma-

shani (Tutong) 2. Sahara Ahmad (Brunei) dan 3. Aisah Sirat (Brunei).

Bahagian laki2: 1. P. Samin (Brunei) 2. Kamran Shah (Brunei) dan M. Bakri (Temburong).

Pancharagam Puspas Ragam Orkest telah bermain di-temasha tersebut.

Hadiah2 kepada tiga orang wanita dan tiga orang laki2 yang berjaya dalam pertandingan itu telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

ALI PAUN DAN NORLEHA JOHAN2 STESHEN BELAIT

SERIA. — Dua orang penyanyi2 yang terkenal di-negeri ini telah memenangi gelaran, johan pertandingan Bintang Radio Steshen Radio Brunei, Kuala Belait.

Penyanyi2 itu ia-lah Inche Mohamed Ali bin Haji Paun, johan bahagian lelaki dan Norleha binti Mohammed Noor, johan bahagian wanita.

Pertandingan tersebut telah di-langsungkan di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada malam Ithnin yang lalu.

Penyanyi2 yang berjaya memenangi pertandingan tersebut ia-lah:

Bahagian lelaki: (1) Mohamed

Ali bin Haji Paun (2) S. H. Alias dan (3) Adnan Jais.

Bahagian wanita: (1) Norleha binti Mohammed Noor (2) Dayangku Iring binti Pengiran Mohamed Said dan (3) P. I. Salmah.

Johan dan naib johan bahagian lelaki dan wanita tersebut akan mewakili Steshen Radio Brunei, Kuala Belait dalam pertandingan akhir Bintang Radio Brunei Tahun 1961 di-Bandar Brunei pada bulan hadapan.

Pancharagam Orkest Melayu Irama Kenangan telah bermain di-temasha tersebut.

Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar, Pegawai Daerah Belait telah menyampaikan hadiah2 kepada penyanyi2 yang berjaya dalam pertandingan tersebut.

KA-NEW ZEALAND

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Inche Ali bin Hassan, Peguam Negara, Brunei telah berangkat ka-New Zealand dengan kapal terbang baharu2 ini melalui Singapura untuk menghadiri seminar bagi melindungi hak2 kemanusiaan dalam mengadili pengadilan jenayah.

Seminar tersebut di-adakan di-



Y.B. Inche Ali

Wellington mulai pada 6 February hingga 20 February dibawah anjuran Bangsa2 Bersatu dengan kerjasama Kerajaan New Zealand.

Sa-belum balek ka-Brunei selepas menghadiri seminar tersebut Inche Ali akan melawat ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk mengadakan perundingan2 dengan pegawai2 undang2 di-sana berhubung dengan perkara2 yang bersangkutan paut dengan jabatan kehakiman.

Jawatan2 kuasa kechil M.B.

BANDAR BRUNEI. — Jawatan Kuasa Minggu Bahasa Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan mesuarat-nyah kali yang pertama di-Bilek Persidangan, Civic Centre baharu2 ini dengan di-pengerusikan oleh Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Mesuarat itu telah merundingkan beberapa perkara yang bersangkutan paut dengan rancangan Minggu Bahasa yang akan di-adakan di-sini pada bulan April hadapan.

Lima buah jawatan kuasa kechil telah di-bentok dalam mesuarat tersebut untuk melaksanakan rancangan Minggu Bahasa itu dan juga pengerusi yang telah di-lantek bagi tiap2 bahagian ada-lah seperti berikut:

Bahagian peraduan — Chegu Mohamed Yusof bin Tahir, Kempen dan membentokkan istilah2 — Yang Berhormat Inche Shahbudin bin Salleh, Pentas — Yang Dimuliakan Pehin Bendahari Awang Mohamed Taha bin Bakir, Hadiah — Awang Tahir bin Pehin Udana Khatib Haji Umar. Penerangan dan program — Chegu Sabtu bin Muhammad. Kewangan — Inche Ali Khan bin Abdul Khan dan Penyambut tetamu — Inche Lim Kah Tiong.

Sa-lain daripada itu, jawatan kuasa tersebut telah memberi kuasa kepada pengurus tiap2 jawatan kuasa kechil yang di-lantek itu untuk melantek ahli2 jawatan kuasa bagi bahagian masing2.

Jawatan kuasa itu akan bersidang sa-kali lagi pada 18 February untuk merundingkan berbagai2 perkara yang berkenaan

dengan sambutan Minggu Bahasa di-Daerah Brunei dan Muara.

PERTANDINGAN B. R. D. T.



Pertandingan menyanyi untuk memilih Bintang2 Radio Brunei Daerah Temburong, bahagian lelaki dan perempuan telah di-adakan di-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar baharu2 ini.

Keputusan-nya: Bahagian lelaki—1. M. Bakri 2. Abdul Ham dan 3. P. R. Tajuddin. Bahagian wanita—1. Kamariah Latiff 2. Tambah Besar dan 3. Minah Mohiddin.

Gambar ini menunjukkan sa-bilangan daripada penyanyi2 yang bertanding dalam pertandingan tersebut, anggota2 Radio Brunei dan lain2-nya. M. Bakri kelihatan berdiri nombor enam dari kiri, Abdul Ham nombor empat dari kanan dan P. R. Tajuddin nombor lima dari kanan. Kamariah Latiff kelihatan duduk nombor dua dari kanan dan Tambah Besar duduk di-kanan sa-kali. Minah Mohiddin tidak kelihatan dalam gambar ini.

PERUSAHAAN BARANG-BARANG PERAK DI-NEGERI BRUNEI

Sa-sudah hidup dengan sendirian-nya dan telah menunjukkan ketabahan-nya hendak hidup, tiba-lah saat-nya perusahaan perak itu mendapat penghormatan dari orang2 yang bertanggung jawab.

Penghormatan itu datang dari pehah Kerajaan Brunei apabila lebeh kurang beberapa tahun sa-belum perang dunia ke-2 itu meletus, kerajaan telah mengulorkan tangan dengan chara mengadakan satu badan bagi melaksanakan pasaran hasil2 perusahaan perak itu.

Ada-lah di-ketahui bahawa Brunei Arts and Crafts itu memang sudah di-tubuhkan dua puluh tahun dahulu, bagi mengotak dan menyulurkan hasil2 pertukangan perak itu.

KESENIAN IBUNDA

Bagitu-lah hidup-nya perusahaan perak di-negeri kita hingga dapat menchapai yang boleh di-katakan semporna dan berbakti kepada kesenian ibunda.

Bagaimana pun ada beberapa faktor lagi yang menyebabkan perusahaan perak itu boleh hidup dalam kesempornaan. Yang pertama, ada-lah disebabkan oleh jiwa yang ingin hidup oleh orang2 yang mengusahakan perusahaan perak itu; kedua, perasaan ingin hidup itu di-salorkan menerusi persatuan yang di-boktikkan oleh perkongasian Sharikat Tukang2 Perak Melayu, Brunei yang tertubuh pada tahun 1950 itu.

Penanaman modal yang di-salorkan menerusi organisasi itu-lah dapat menjamin sedikit banyak-nya bagi menghidupkan perusahaan perak itu.

BANTUAN MATERIALS

Faktor yang lain-nya pula ada-lah yang di-berikan oleh pimpinan Brunei Arts & Crafts dalam melateh pengusaha2 perusahaan perak di-dalam jurusan pentadbiran. Mengikot keterangan yang saya dapati, Brunei Arts & Crafts itu sudah mulai melateh pengusaha2 perak di-dalam jurusan pentadbiran itu dari sejak tahun 1945 lagi.

Maka tidak hairan-lah dalam masa 15 tahun itu, suasana pentadbiran pemasaran hasil2 pertukangan perak itu dapat di-jalankan dengan licheh-nya.

Faktor yang penghabisan tetapi tidak kurang pula penting-nya, ada-lah bantuan materials yang di-berikan oleh Kerajaan kepada Brunei Arts & Crafts itu. Walau pun bantuan materials itu di-salorkan menerusi Brunei Arts & Crafts, namun itu tidak-lah menjadi satu soal yang penting sekali untok di-kupas di-sini.

Apa yang menjadi persoalan

Dalam keluaran PELITA BRUNEI pada 18 January, 1961 Inche Zaini bin Haji Ahmad telah menulis berbagai2 perkara mengenai perusahaan barang2 perak di-Negeri Brunei. Sambongan tulisan Inche Zaini itu ada-lah seperti berikut:

ia-lah bantuan materials itu mempunyai kesan2 yang berbakat sa-hingga dapat menjamin perusahaan perak itu dari serangan2 ekonomi kompetasi, seperti sedang di-hadapi oleh beberapa perusahaan desa lain-nya, yang pernah saya kupas di-dalam keluaran2 yang lepas.

Tidak-lah dapat di-sangkal bahawa bantuan materials yang telah dan sedang di-berikan oleh kerajaan pada pertukangan perak di-Brunei ini, mempunyai kesan2 ekonomi yang tertentu.

Pada pendapat saya bahawa kesempornaan sedang di-nik-

mati oleh perusahaan perak itu di-sendikan kepada persatuan orang2 yang mengusahakan-nya, juga bantuan materials yang di-berikan oleh kerajaan, dan di-dorong oleh keinginan hidup perusahaan tersebut.

KESIMPOLAN JAWAPAN

Sekarang bagaimana pula kita harus mempertahankan kedudukan kesempornaan perusahaan perak itu. Pertanyaan ini telah saya ajukan kepada sa-orang ahli pertukangan perak waktu saya mengunjongi ibu pejabat Brunei Arts &

Crafts beberapa hari dahulu. Keseluruhan jawapan yang saya dapati ada-lah di-simpolkan bagini :

◆ Perusahaan perak itu memerlukan satu planning yang hidup dan tertentu;

◆ Planning2 itu, harus-lah di-bahagi ka-atas dua bahagian, pertama short term planning dan kedua long term planning; dan

◆ Short term planning pula ada-lah terdiri dari penambahan modal, meluaskan pasaran dan mengadakan unsur2 teknik di-dalam perusahaan perak itu. Mithal-nya, kalau perusahaan itu hendak di-lancarkan chara penjualan-nya, maka sudah tentu perusahaan itu harus mempunyai rolling capital yang besar, kalau tidak nanti perusahaan itu menghadapi penyakit singkat nafas. Oleh kerana ini maka, perlu-lah kapital perusahaan perak itu di-perbesar lagi.

PERATORAN MENANAM PADI YANG BAIK SEKALI

Peratoran menanam padi yang baik sekali di-jalankan di-negeri ini telah di-muatkan dalam Pelita Brunei yang lalu. Dalam keluaran ini Inche Ahmad bin Haji Ismail, sa-orang pegawai pertanian Brunei, menyambong karangan-nya seperti berikut.

Sa-telah di-pilih tapak yang sa-suai, baharu-lah di-tebang dan di-tebas dan di-bakar. Kemudian di-buatkan pagar bagi semai bertugal, tetapi jika semai paya di-radu dan di-sisir dua kali jalan, lalu menggunakan penggiling, baharu-lah kita menaborkan benih2 padi yang di-sediakan yang terlebih dahulu di-masokkan dalam guni atau bayong, di-rendamkan di-ayer sa-lama dua hari dua malam dan sa-hari sa-malam di-atas tikar atau tempat kering.

Menabor-nya pula biar sedang2 jarang. Sa-lepas 3 atau 4 hari dari menabor, ayer perlu di-adakan, burong2 pipit juga di-jaga dari memakan benih2 padi tersebut.

Apabila sampai masa mencha-but, ayer di-keringkan dan anak2 padi itu di-chabutkan dengan menggunakan pisau dan di-ikat berpumpung2 supaya senang

membawa-nya ka-ladang. Perlu di-ingat, ia-itu anak2 padi yang subur dan sehat sahaja di-gunakan, dan yang kena bekas serangan musoh2 jangan-lah di-gunakan.

Musim mengubah atau bertanam telah sampai dan segala persiapan tanah2 paya atau sawah chukup sempurna, baharu-

lah kita menjalankan pekerjaan bertanam.

Bertanam anak2 padi sa-elok2-nya kira2 empat atau lima batang sahaja dalam sa-lobang dengan anggaran jarak-nya di-antara 16 hingga 18 inche, kerana anak2 padi lebeh senang mengeluarkan banyak anak2 dalam tiap2 rumpun.

Orang2 kita biasa bertanam lebeh2 banyak dan rapat2 sahinggakan susah merumput. Rumput2 lazim-nya mengganggu kesuboran, maka ini bermana-lah hasil kurang di-dapati.

PERLAKSANAAN

Perlaksanaan ini sering kali dibuat dengan beramai2 bantu membantu satu dengan lain, demikian juga membuat pekerjaan2 seperti memagar dan menawar musoh2.

Sa-lepas bertanam kira2 empat atau lima hari, mula-lah di-masokkan ayer ka-dalam paya atau sawah itu, ayer sangat2 mustahak berada di-samping-nya berjalan perlahan2 melalui saloran2 petak dan tali2 ayer dengan perantaran batas2 yang diperbuat terlebih dahulu.

Batas2 perlu di-buatkan di-dalam paya atau sawah, gunanya dapat menahan atau menangkong ayer2 sa-masa padi sedang tumbuh yang kian hari bertambah besar, maka ayer2 juga makin bertambah2 sa-hingga didalam lebeh kurang 8 inchi, juga dengan batas2 dapat meratakan tanah dan kedudukan ayer dan padi2 akan sama rata menikmatinya dan tidak pula kekerangan atau sa-balek-nya, dengan hal yang demikian kesuboran padi2 akan terjamin dengan hasil yang memuaskan.

(Bersambong)



Satu pemandangan di-tambatan kapal, Bandar Brunei dan juga di-atas kapal Bolkihah baharu2 ini sa-belum sa-bilangan daripada bakal jema'ah2 haji dari negeri ini belayar ka-Labuan. Mereka telah belayar dari Labuan ka-Singapura dengan kapal Kimanis dan dari sana pula telah belayar ka-Jeddah dengan kapal yang lain.

CHERAMAH PENGIRAN JAYA MENGENAI KESELAMATAN DI-JALAN RAYA

BANDAR BRUNEI. — Dalam mengawasi “keselamatan lalu lintas,” tiap2 orang mesti-lah menggunakan “fikiran biasa” waktu memandu kereta atau berjalan kaki sa-lain dari menurut dan patoh pada undang2 lalu lintas yang telah di-keluarkan oleh kerajaan.

Ini, telah di-tegaskan oleh O.C.P.D. Pengiran Jaya dalam satu cheramah-nya di-kursus ulang kaji Guru2 Besar Sekolah2 Melayu Negeri Brunei dalam bulan lepas.

Beliau berkata bahawa “undang2 lalu lintas” telah di-buat dalam tahun 1954 dan berjalan kuat kuasa-nya hingga masa ini. “Dalam undang2 lalu lintas ini-lah terkandung semua ato-



Pengiran Jaya

ran2 memandu keenderaan dan berjalan kaki”; ujar Pengiran Jaya.

Kelengkapan sa-buah kereta yang baik dan sempurna ia-lah ada mempunyai injin dalam keadaan baik alatan2-nya seperti brake, wifer, lampu, cherm-in dalam dan lain2. Ini, kata Pengiran Jaya, semua-nya di-pereksa sa-belum kita memandu. Menerangkan tentang kemalangan yang akan berlaku dan pasti berlaku beliau berkata bahawa kita sengahaja memandu kereta yang tiada mempunyai brake.

“Kemalangan yang akan ber-laku seperti ini memang tidak dapat di-elakkan; sebab itu jangan-lah kita menjalankan kere-ta2 yang kita fikirkan boleh men-datangkan kemalangan itu”; tam-bah beliau.

Beberapa petua kepada pe-mandu2 yang wajib di-ikut un-tok menjaga keselamatan lalu lintas telah juga di-terangkan oleh Pengiran Jaya, antara-nya ia-lah:

- ★ Sa-belum memandu kereta, hendak-lah di-pereksa alatan2 kereta itu semua-nya dalam keadaan baik;
 - ★ Jangan memotong kereta2 lain dalam menjalani simpang jalan, bukit atau jalan sempit; dan
 - ★ Waktu jalan lichen, hendak-lah menjalankan kereta per-lahan2.
- Beliau juga telah menyampaik-an harapan-nya kepada pe-mandu2 kereta supaya berawas2

memandu kereta pada masa ber-iringan dengan kereta2 lain ka-lau2 kereta yang di-hadapan ber-henti dengan serta merta dengan tidak memberi alamat.

“Perkara yang seperti ini ke-rap kali berlaku di-sebabkan ke-dua belah pehak chuai dari mengikut chara2 memandu kere-ta yang sa-benar-nya”; ujar be-liau lagi.

Berkata tentang memandu ke-reta pada waktu malam, Pengi-ran Jaya menegaskan bahawa pada waktu malam hendak-lah menggunakan lampu dengan sa-chukup-nya kerana kebanyakan orang2 di-negeri ini suka memakai pakaian warna gelap yang kerap kali mengelirukan pengli-hatan pada waktu malam.

“Kemalangan yang berlaku kerana ini sudah kerap kali ter-jadi sebab itu saya nasehatkan kepada siapa2 yang berjalan ka-kil waktu malam di-jalan2 raya yang tidak ada lampu listrik jangan-lah memakai pakaian warna hitam atau warna gelap”, tambah beliau lagi.

Pengiran Jaya mengingatkan kepada pemandu2 kereta supaya berhati2 pada masa memotong atau melimpasi sa-buah kereta

yang lain, hendak-lah jauhkan dari kereta2 lain yang di-hada-pan dan di-belakang.

Beliau juga menegaskan kap-da pemandu2 kereta supaya ber-hatu2 pada masa hendak mem-berhentikan kereta-nya; hendak-lah memberi alamat atau lihat cherm-in dalam kereta kalau2 ada kereta yang membuntuti di-bela-kang.

Bagitu juga waktu membuka pintu kereta hendak-lah awas2 dan tengok ka-belakang dahulu kalau2 ada orang yang menung-gang basikal, orang berjalan atau keenderaan lain; kata Pengiran Jaya.

Dalam cheramah-nya mengenai Keselamatan Lalu Lintas itu, Pengiran Jaya juga telah meng-gesa penunggang2 basikal dalam negeri ini supaya berhati2 dan menurut undang2 keenderaan yang lain juga.

Beliau menjelaskan beberapa peratoran kepada penunggang basikal, antara-nya ia-lah:

- ★ Basikal mesti-lah dalam ke-adaan baik dengan alatan2-nya; seperti lampu brake dan lain2;
- ★ Memberi alamat bila2 hendak berjalan, menyimpang dan lain2;
- ★ Waktu menunggang basi-kal mesti-lah menggunakan ke-dua belah tangan;
- ★ Jangan membawa orang di-atas basikal;
- ★ Jangan memakai pakaian warna gelap waktu malam;

★ Waktu malam mesti-lah pakai lampu; dan

★ Tiap2 basikal mesti ada lampu atau kaca merah di-bela-kang supaya tidak menjadi ke-samaran pada pemandu2 lain.

Kapada orang2 yang berjalan kaki, Pengiran Jaya menegaskan supaya menurut peratoran dan undang2 yang di-buat, jangan berjalan bersipah2 dengan tidak tentu arah.

Lain dari itu beliau juga mem-berikan petua dan atoran2 yang mesti di-ikut oleh orang yang berjalan kaki; antara-nya ia-lah:

★ Gunakan tempat yang di-khaskan untok orang yang ber-jalan kaki (kalau ada);

★ Jangan menyeberang dekat kereta yang berhenti, kerana perkara yang seperti ini kerap kali terjadi kemalangan yang ti-dak di-sangka2;

★ Waktu malam jangan me-makai pakaian warna hitam. Ji-ka memakai pakaian warna hi-tam mesti-lah ada benda2 yang lain supaya nampak pada waktu malam; dan

★ Berjalan kaki hendak-lah mengikut sa-belah kanan jalan.


Mengakhiri cheramah-nya, Pengiran Jaya telah menyeru se-mua pemandu2 kereta dan orang2 berjalan kaki sa-lain mengikut undang2 lalu lintas ia-lah menggunakan “fikiran biasa”.

Beliau berkata:

“Pejabat Pulis ada-lah ter-buka untok pertanyaan ber-hubong dengan keselamatan di-jalan raya.

“Keselamatan di-jalan raya ada-lah tergantung kepada kita semua.”

MASJID MUARA



Bangunan mesjid Muara yang sedang dalam pem-binaan-nya telah di-mulai pada 30 July tahun lepas, meru-pakan sa-buah mesjid berbentuk moden jika di-bandingkan dengan bangunan2 mesjid dalam negeri ini.

Ini, ada-lah satu rancangan pembangunan kemajuan negara mengenai perkembangan Ugama Islam sa-bagai Ugama rasmi di-Negeri Brunei.

Pembinaan-nya di-anggarkan akan menelan belanja sa-banyak \$250,000.

Bentuk mesjid ini sa-olah2 merupakan sa-kaki payong besar yang terkembang dan mempunyai sa-buah menara yang berasingan.

Menurut Setia Usaha Perkembangan, Inche Sa'ad bin Marzuki bahawa mesjid tersebut boleh memuat lebih kurang 300 orang sembahyang di-dalam-nya.

Pembinaan-nya telah di-buat oleh pemborong Chee & Company dan di-jadualkan akan siap pada pertengahan bulan March hadapan.

LAWATAN PENGHULU2 KA-PUSAT2 PERTANIAN

KILANAS. — Satu rombongan yang terdiri dari 40 orang penghulu2 dan ketua2 kampung dari daerah Belait dan Tutong telah menyaksikan bagaimana chara2 pemeliharaan ikan2 ayer tawar dan chara2 penanaman padi tugal di-Pusat PENCHUBAAN Pertanian Kilanas dan di-tempat kebun kelapa Luahan, Jerudong pada 4 February lepas.

Ini, ada-lah anjoran yang telah di-lakukan beberapa kali ka-pada penghulu2 dan ketua2 kampung dalam bidang menggalakkan pertanian yang meluas mengikut peredaran zaman.

Penghulu2 dan ketua2 kampung itu telah di-raikan dengan sambutan yang mesra dari pegawai2 pertanian yang bertugas di-Pusat PENCHUBAAN Tanaman itu.

Chara2 memelihara ikan2 ayer tawar telah di-terangkan oleh pegawai2 pertanian dalam bahagian yang tertentu, antaranya:

- ★ Bagaimana chara membuat kolam tempat memelihara ikan2 itu;
- ★ Jenis2 ayer yang di-kehendaki yang sa-suai dengan jenis2 ikan yang di-pelihara;
- ★ Makanan ikan2 yang di-pelihara;
- ★ Chara mengenal bagaimana ikan jantan dan betina;
- ★ Dan lain2 lagi.

Sa-lepas di-Pusat PENCHUBAAN Tanaman di-Kilanas, penghulu2 dan ketua2 kampung telah dibawa melawat ka-tempat kebun kelapa Luahan, Jerudong.

Penghulu2 dan ketua2 kampung itu telah menyaksikan sendiri bagaimana chara2 menuai padi tugal yang di-tanam dengan menggunakan baja yang tertentu dengan padi tugal yang di-tanam dengan tiada menggunakan baja.

Mereka2 juga telah di-beri penerangan oleh pegawai2 pertanian bagaimana chara2 menuai dengan menggunakan sabit dan chara2 menanggalkan buah2 padi yang di-tuai dengan menggunakan sa-jenis perkakas yang tertentu.



Penghulu2 dan ketua2 kampung itu sedang menyaksikan bagaimana ikan2 itu di-tangkap dengan menggunakan pukat, sambil itu Yang Berhormat Inche Hamidoon, Pegawai Pertanian Negara dan pegawai2 pertanian telah menjawab beberapa pertanyaan dari penghulu2 dan ketua2 kampung itu tentang chara2 pemeliharaan ikan2 itu.

Jamuan Hari Raya

BANDAR BRUNEI — Kemungkinan orang2 sakit di-Rumah Sakit Besar di-sini dan banduan2 di-Jerudong akan menikmati "jamuan hari raya" bersama2 Jawatankuasa Derma Hari Raya 1961 pada Hari Raya Puasa akan datang jika Pegawai Perubatan Negara dan Penguasa Penjara telah bersetuju dengan rancangan yang demikian.

Keputusan ini telah di-ambil dalam meshuarat Jawatan-kuasa Derma Hari Raya 1961 yang berlangsung di-bilik persidangan Jabatan Penerangan pada bulan lepas, di-pengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Setia Haji Ahmad.

Meshuarat itu juga telah mengambil keputusan akan mengutip derma kepada orang2 ramai, pejabat2 kerajaan dan sharikat2 perniagaan sa-bagaimana yang telah di-jalankan pa-

da tahun2 yang sudah.

Siaran2 untok memungut derma akan di-buat oleh Setia-usaha Jawatankuasa Derma Hari Raya dengan sa-chepat mungkin sa-telah kebenaran di-peroleh dari Yang Dipertua Persatuan Kesatuan Islam Brunei.

Sa-lain dari keputusan2 itu, Jawatankuasa tersebut telah bersetuju melantek Pengiran Abd. Rahman bin Pengiran Haji Abd. Rahim sa-bagai Naib Pengerusi; sementara Jawatan2 Kuasa yang lain maseh tetap saperti tahun lalu.

PERNYATAAN BERSAMA 4B DAN T.U.K.S.

BANDAR BRUNEI. — Kebulatan persetujuan untok memperjuangkan nasib kaum buroh dari kedua2 buah negeri Brunei dan Sarawak telah di-ambil dalam sa-buah perjumpaan antara wakil2 puchok pimpinan Barisan Buroh Bersatu dan Trade Union Kongress Sarawak pada 29 January lepas, bertempat di-bangunan Persekutuan Fokian, Kuching, Sarawak.

Dalam sa-buah "pernyataan bersama" yang di-tanda tangani oleh kedua belah pihak—Barisan Buroh Bersatu Brunei dan Kongress Sharikat Buroh Sarawak—pada 30 January telah mengambil keputusan:

- ◆ Kedua pihak akan saling bantu membantu di-dalam memperjuangkan taraf hidup kaum buroh dan akan mengadakan hubungan rapat dalam melebarkan chita2 sharikat buroh;
- ◆ Akan berjuang supaya masa bekerja bagi kaum buroh di-hadkan sa-lama delapan jam pada tiap2 hari dan sa-hari kelepasan pada tiap2 minggu dan akan berjuang supaya semua pekerja2 kedai akan menikmati

- kelepasan2 itu;
- ◆ Kaum buroh dari segala lapisan harus bersatu padu dalam memperjuangkan hak2 mereka;
- ◆ Akan berjuang supaya taraf pendidikan tiap2 kaum buroh dan keluarga mereka dapat di-pertinggi dan akan menuntut supaya kerajaan memberi bantuan; dan
- ◆ Tiap2 buroh dari Brunei, Sarawak dan Sabah harus mempunyai sa-buah organisasi di-negeri masing2 dan menuju pembentukan sa-buah organisasi pusat yang di-dalam-nya konferensi2 di-adakan untok memperbinchangkan masalah2 perburuhan dari ketiga2 negeri itu.



Chara2 menuai padi dengan menggunakan sabit khas ada-lah menyenangkan petani2 menjalankan kerja-nya telah di-tunjukkan oleh kaki tangan Jabatan Pertanian itu dalam bidang lawatan penghulu2 dan ketua2 kampung itu ka-tempat Kebun Kelapa Luahan, Jerudong.

Penghulu2 dan ketua2 kampung itu dapat menyaksikan perbezaan antara dua petak padi yang di-tanam dengan menggunakan baja: keadaan-nya subur dan mengeluarkan hasil yang banyak dan yang di-tanam dengan tidak menggunakan baja: keadaan-nya tidak subur dan tidak banyak mengeluarkan hasil.

"Dengan menggunakan baja petani2 tidak susah membuka hutan2 rimba2 yang besar2 apabila hendak bertanam padi tugal, saperti kelaziman di-buat oleh petani2 di-negeri ini", kata Pegawai Pertanian Negara.

GARCIA SINGGAH DI-BRUNEI SA-KALI LAGI

(Dari muka 1)
pas dari Manila kira2 pukul 8 pagi itu dan telah sampai di-Brunei sa-telah terbang sa-lama tiga jam.
Dari Brunei ia di-jadualkan terbang terus ka-Kuala Lumpur dan telah sampai di-sana kira2 empat jam kemudian.
Sa-lama Presiden Garcia berehat di-bilik penumpang2 kenamaan beliau telah bertemu ramah

dengan ahli2 Majlis Meshuarat Kerajaan.
Ahli2 yang berhormat itu telah di-perkenalkan kepada Presiden Garcia oleh Pesuruh Jaya Tinggi British, Tuan D.C. White.
Presiden Garcia telah singgah di-Brunei sa-kali lagi pada hari Sabtu yang lalu dalam perjalanan beliau balek ka-Manila dengan kapal terbang sa-sudah melawat ka-Persekutuan Tanah Melayu.

P.W.D. Sports Club K. Belait di-jangka menang

SERIA. — P.W.D. Sports Club, Kuala Belait di-jangka akan menyanggah gelaran johan pertandingan bola sepak bagi merebutkan Perisai Higgins, bahagian yang pertama.

Dalam enam perlawanan P.W.D. Sports Club itu telah mendapat 11 mata.

Sa-buah lagi pasokan yang kuat dalam pertandingan tersebut hingga ka-masa membuat berita ini ia-lah Klab Melayu Shell.

Klab Melayu Shell telah mendapat 13 mata daripada delapan perlawanan.

Bagaimana pun, Kuala Belait Recreation Club johan pertandingan tersebut pada tahun yang lalu sedang berikhtiar dengan sa-bberapa boleh untuk menyanggah gelaran kejohanan pertandingan itu sa-mula pada tahun ini.

Dalam pertandingan untuk merebutkan Perisai Higgins, bahagian yang kedua pula, Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell telah mendapat 22 mata daripada 13 perlawanan.

Sekolah Saint Michael pula telah mendapat 20 mata daripada 12 perlawanan.

Keputusan pertandingan bola sepak bagi merebutkan Perisai Higgins, bahagian yang pertama baharu2 ini ada-lah seperti di-bawah ini:

Klab Melayu Shell telah seri dengan Shell Recreation Club dan Panaga dengan 1 gol berbalas 1.

P.W.D. Sports Club, Kuala Belait mengalahkan Dayak Club Shell dengan dua gol berbalas satu.

Kuala Belait Recreation Club telah mengalahkan Pulis dengan enam gol berbalas dua.

Keputusan2 pertandingan tersebut bahagian yang kedua baharu2 ini ada-lah seperti di-bawah ini:

P.W.D. Sports Club, Kuala Belait mengalahkan Klab China

Permohonan berdagang di-Pasar

Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Lembaga Bandaran, Brunei ada-lah menyediakan 38 bahagian bangku untuk orang ramai berdagang di-dalam Pasar, Bandar Brunei.

Bangku2 itu ada-lah di-sediakan untuk pekebun2 sayur, khasnya kepada orang2 tempatan dan juga orang2 yang mempunyai surat kebenaran tinggal dalam negeri ini.

Orang ramai yang berkehendakkan bangku2 tersebut diminta menghantarkan surat permohonan masing2 kepada Setia Usaha Lembaga Bandaran, Brunei tidak lewat daripada 28 February, 1961.

geris Saint Margaret dengan dua gol tidak berbalas.

Anthony Abell College, Seria telah seri dengan Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell dua gol berbalas dua.

Anthony Abell College, Seria telah mengalahkan Pasokan Pulis yang telah tidak bertanding pada tarikh yang telah di-tetapkan.

Klab Dayak Shell mengalahkan Pasokan Pulis dengan empat gol berbalas satu.

LAWATAN INSPEKTOR TIMBANGAN DAN SUKATAN

BANDAR BRUNEI. — Inspektor Timbangan dan Sukatan Negeri Brunei, Inche Ibrahim bin Abdul Hamid dan anggota2 pejabat beliau telah melawat ka-Muara, Serasa dan Batu Marang pada 6 February yang lalu untuk memeriksa alat2 menimbang dan menyukat kepunyaan pedagang2 di-tempat2 tersebut.

Pedagang2 di-Bandar Brunei boleh-lah membawa alat2 menimbang dan menyukat kepunyaan masing2 ka-Pejabat Timbangan dan Sukatan di-bandar ini untuk di-pereksa pada tarikh yang di-bawah ini:

Daripada 7 February hingga 18 February, daripada 27 February hingga 25 March dan daripada 3 April hingga 6 April.

Tarikh lawatan Inspektor Timbangan dan Sukatan Negeri Brunei itu dan anggota2 pejabat beliau ka-lain2 tempat dalam Negeri Brunei pada bulan February, March dan April tahun ini ada-lah seperti di-bawah ini:

20 dan 21 February: Baru-Baru, Berbunut dan Labu.

22 February: Batu Apoi, Temburong Lama, Biang Estate dan Belaban.

23 hingga 25 February: Bangar termasuk Pandaruan.

27 March: Sengkurong bertempat di-Balai Pulis.

28 dan 29 March: Tutong bertempat di-Pejabat Kerajaan dan Danau.

2 April: Tunggolian dan Sungai Liang.

11 April: Bukit Sawat, Kilang Papan Bukit Puan dan Ru-

mah Tumpangan Kerajaan Bukit Puan.

12 hingga 14 April: Labi bertempat di-Rumah Tumpangan Kerajaan.

15 April: Pengkalan Siong dan Sukang.

16 April: Kuala Balai.

18 hingga 24 April: Kuala Belait bertempat di-Bilek Bachaah Jabatan Penerangan.

25 hingga 29 April: Seria bertempat di-Pejabat Kerajaan.

Pertandingan hokey anjoran P.H.N.B.

SERIA. — Sembilan buah pasokan hokey di-Daerah Seria dan Belait akan mengambil bahagian dalam pertandingan hokey di-bawah anjoran Persatuan Hokey Negeri Brunei pada bulan March hadapan.

Pasokan2 itu ialah: Klab Melayu Shell, Shell Recreation Club, Klab China Shell, Panaga Club, Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell, Kuala Belait Recreation Club, Anthony Abell College dan Pulis.

Pada masa ini Klab Melayu Shell ada-lah pemegang Piala Perak Wernham dan Perisai Lem-

bagi Sukan Daerah Belait.

Pada tahun2 yang lalu pasokan2 hokey dari Miri dan Lutong telah mengambil bahagian dalam pertandingan hokey bagi merebutkan Piala Perak Wernham, akan tetapi pada tahun ini adalah di-perchayai bahawa pertandingan itu akan terbuka hanya kepada pasokan2 dalam negeri ini sahaja.

Perlawanan2 Bola Sepak dan Rugby

SERIA—Pasokan Champoner Seria—Miri telah mengalahkan Kuching dalam satu perlawanan rugby yang hebat dengan 11 mata berbalas 3.

Perlawanan itu telah di-langsungkan di-padang Panaga Club, Seria pada hari Sabtu 4 February.

Dalam perlawanan bola sepak pula Kuching telah mengalahkan Brunei dengan 3 gol berbalas 2.

Perlawanan bola sepak tersebut telah di-adakan pada petang hari Ahad 5 February bertempat di-padang Jubilee Recreation Club, Kuching.

MESHUARAT AGONG PERSATUAN HOKEY

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Hokey Negeri Brunei akan mengadakan meshuarat agong ulang tahun-nya kali yang pertama bertempat di-dewan Sultan Omar Ali Saifuddin College pada pukul 5 petang hari Sabtu 25 February.



Pasokan2 Persatuan Bekas Penuntut2 S.O.A.S. College, Brunei dan Kuala Belait Recreation Club bergambar ramai sa-belum di-langsungkan pertandingan hokey sa-chara persahabatan di-antara kedua pasokan itu di-padang Kuala Belait baharu2 ini. Pertandingan itu telah beroleh seri, 1 gol berbalas 1. Berdiri di-hujung kiri ia-lah Inspektor Hussin yang sekarang ini berlatih di-Malaya dan di-kanan sa-kali ia-lah Inche Guan Seng, pengadil2 pertandingan itu.

Bulan Bahasa di-Batu Pahat:

SERUAN PEGAWAI DAERAH

BATU PAHAT. — Pengerusi Bulan Bahasa Kebangsaan Daerah Batu Pahat, Johore, Inche Abdul Rahman Ja'afar telah menyeru orang ramai, khas-nya ra'ayat yang bukan Melayu supaya menggunakan Bahasa Kebangsaan terus menerus m u l a i dari masa sekarang dalam segala lapangan.

Beliau telah menyampaikan seruan ini ketika berucap merasmikan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Daerah di-bangunan Coronation Boys Club di-sini baharu2 ini.

Inche Abdul Rahman yang juga bertugas sa-bagai Pegawai Daerah Batu Pahat mengatakan sa-lanjut-nya bahawa Bulan Bahasa Kebangsaan ini di-maksudkan memberi keinsafan yang sungguh2 dalam usaha menjadikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi dan Kebangsaan yang tunggal di-negeri ini.

Beliau berkata bahawa kali ini lebeh banyak lagi di-adakan ranchangan2 di-daerah ini daripada di-waktu Minggu Bahasa dahulu.

ADAKAN PERADUAN

Tambahan2 itu ia-lah seperti mengadakan peraduan kedai2 untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan, peraduan ujian bahasa penyelidekan di-pejabat2 sa-jauh mana penggunaan bahasa itu dijalankan.

Inche Abdul Rahman meng-

Jawatan baharu Kapten Kong Le

HONGKONG. — Kapten Kong Le, pemimpin pasokan2 puak kiri di-Laos telah di-lantek menjadi Pengerusi Jawatan Kuasa, Tentera Nasional Laos.

Jawatan yang baharu di-sandangkan kepada Kapten Kong Le itu ada-lah merupakan jawatan yang tertinggi dalam Pemerintah Tentera puak kiri dan Tentera2 Pathet Lao yang menyokong Komunis.

Kapal terbang Garuda hilang

JAKARTA. — Angkatan Udara Indonesia menyatakan bahawa sa-buah kapal terbang pengangkutan jenis Dakota membawa 26 orang telah hilang.

Kapal terbang itu kepunyaan perharikatan kapal terbang Kerajaan Indonesia, Garuda, telah berlepas dari Surabaya ka-Balik-Papan, Borneo Timor sa-jauh kira2 900 batu dan telah tidak balek ka-Surabaya pada masa yang telah di-jadualkan.

Pengumuman itu menyatakan lagi bahawa Angkatan Udara

harapkan supaya pehak pemilek2 kedai dan badan2 perniagaan menukarkan nama kedai mereka yang di-tulis dalam bahasa China dan Inggeris ka-dalam Bahasa Kebangsaan serta pemakaian Bahasa Kebangsaan dalam iklan2.

PAMERAN BUKU2

Tetapi jangan-lah pula pehak2 yang di-minta menukarkan itu menyangka bahawa langkah ini mengganggu kepentingan tertentu dari pehak perniagaan," kata beliau.

Dalam rangka Bulan Bahasa Kebangsaan ini di-bangunan Co-

ronation Club itu di-adakan pameran buku2 dalam Bahasa Kebangsaan dari penerbit2 dan juga pertunjukan peraduan lukisan poster Bulan Bahasa Kebangsaan.

BUKU DARI PENERBIT2

Lebeh dari 1,000 buah buku telah di-pamerkan di-situ dan sa-lain buku2 dari Dewan Bahasa dan Pustaka, penerbit2 yang menyumbangkan buku mereka ialah Sinaran Brothers, Pustaka Melayu, Suasana Baru, Muslim Printing Press, Oxford University Press Kuala Lumpur, Federal Publications Limited, Longmans Green, Donald Moore dan Malindo. Demikian di-beritakan oleh akhbar BERITA HARIAN.

PEMBENTOKAN KERAJAAN BAHARU CONGO

LEOPOLDVILLE. — Presiden Kasavubu di-fahamkan telah memperkenalkan pembentokan sa-buah Kerajaan baharu Semen-tara Negeri Congo di-Leopoldville.

Kerajaan baharu Congo itu akan di-pimpin buat sementara oleh Tuan Joseph Ileo.

Tuan Ileo telah di-lantek menjadi bakal Perdana Menteri Congo oleh Presiden Kasavubu pada bulan September yang lalu bagi menggantikan Tuan Lumumba.

Menurut berita Reuter belum-lah di-ketahui berkenaan dengan perdirian Major General Mobutu mengenai chadangan tersebut.

Ada-lah di-kabarkan bahawa

Major General Mobutu telah berangkat ka-kawasan sempadan Equateur-Orientale membawa angkatan perang.

HARI KEBANGSAAN NEW ZEALAND

SINGAPURA. — Yang Dipertuan Negara, Singapura Inche Yusof Ishak dan isteri-nya Puan Noor Aisha telah menghadiri sambutan Hari Kebangsaan New Zealand yang telah di-langsungkan di-Singapura baharu2 ini.

Temasha itu telah di-adakan oleh warga negara New Zealand sa-bagai tanda ingatan hari ulang tahun yang ke-121 New Zealand di-tubuhkan menjadi sa-buah negara yang baharu sa-lepas di-adakan Perjanjian Waitangi.

Inche Yusof dan Puan Noor Aisha telah di-alu2kan pada masa

ketibaan di-majlis tersebut oleh Tuan R.L. Hutchens, Pesuruh Jaya New Zealand di-Singapura dan Puan Hutchens.

Yang Dipertuan Negara Singapura telah minum untuk memberi selamat kepada New Zealand bagi pehak Singapura dalam satu istiadat di-majlis tersebut.

Ben Gurion letak jawatan

JERUSALEM. — Tuan David Ben Gurion telah meletakkan jawatan-nya sa-bagai Perdana Menteri Israel baharu2 ini.

Beliau telah mengambil tindakan tersebut sa-lepas di-adakan pertikaian dalam jema'ah kementerian-nya mengenai hal awal Lavon.

Tuan Ben-Gurion berumur 74 tahun ia-lah Perdana Menteri negara itu yang pertama sa-kali dan telah menyandang jawatan itu semenjak tahun 1948.

Beliau telah menyampaikan surat perletakan jawatan-nya itu kepada Presiden Yitzhak Ben-Zvi.

Duta Besar Amerika ka-Great Britain

WASHINGTON. — Tuan David K.E. Bruce telah di-lantek oleh Presiden Kennedy menjadi Duta Besar Amerika Sharikat ka-Great Britain.

Tuan Bruce akan menggantikan Tuan John Hay Whitney.

PELAJARI-LAH BAHASA MELAYU BAHASA KEBANGSAAN

Juruiring Baginda Queen

LONDON. — Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah melantek Group Captain Nigel Martin Maynard, Pegawai Pemerintah Tentera Udara Diraja British di-Changi, Singapura sa-bagai juruiring kepada baginda.

Group Captain Maynard menggantikan Group Captain H.N.G. Wheeler yang telah di-lantek menjadi Air Commodore.

Juruiring yang baharu kepada Baginda Queen yang berumur 39 tahun itu telah di-kurniakan pingat Distinguished Flying Cross untuk keberanian-nya membina-sakan kapal2 selam musuh pada masa peperangan dunia yang kedua.

KERETA API TERGELINCHIR

BOWIE, Maryland. — Sa-kurang2-nya tujuh orang telah mati dan lebeh daripada 67 orang telah terchedera baharu2 ini apabila sa-buah kereta api tergelin-chir dari landasan kereta api.

Penumpang2 kereta api itu se-dang dalam perjalanan mereka untuk menghadiri temasha lumba kuda di-Bowie, pada masa berlaku kemalangan tersebut.